



مجلس ساباك برنام

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

45300 SUNGAI BESAR SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 3224 1655/1000 Fax: 03 3224 2766/5339

E-mail: www.mdsb.gov.my

SYARAT PELESENAN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN

1. Pemegang lesen adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976; Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1995 - Peraturan-peraturan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Selangor) 1996; Undang-undang Kecil Iklan (MDSB) 2007; Undang-undang Kecil Sampah (MDSB) 1983 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Majlis Daerah Sabak Bernam dan pihak berkuasa yang lain dari semasa ke semasa;
2. Pemegang lesen hendaklah menjelaskan bayaran fi lesen mengikut jadual yang ditetapkan dan bayaran cagaran pematuhan syarat kepada Majlis Daerah Sabak Bernam atau pihak berkuasa yang lain. Kegagalan untuk mematuhi syarat dan peraturan boleh menyebabkan wang cagaran pematuhan syarat dilucut dan dirampas;
3. Tempoh sah lesen ialah apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen, tetapi tidak boleh melebihi satu tahun dan hendaklah tamat pada 31 Disember setiap tahun. Lesen ini boleh diperbaharui dalam tempoh 2 bulan sebelum tamat tempoh. Lesen hendaklah dipamerkan pada sepanjang masa ditempat yang mudah dilihat dan hendaklah dikemukakan kepada pihak berkuasa melesen jika dikehendaki;
4. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan papantanda mengenai nama dan aktiviti premis;
5. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan notis larangan memasuki premis bagi orang-orang di bawah umur;
6. Orang Islam adalah dilarang memasuki seksyen menjual arak di mana-mana premis di Negeri Selangor;
7. Pemegang lesen dilarang mengunci pintu keluar premis sewaktu perniagaan dijalankan. Setiap ruang di dalam premis termasuk tangga, laluan dan jalan keluar hendaklah bebas daripada halangan serta mendapat pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang mencukupi;
8. Pemegang lesen hendaklah menjaga kebersihan premis perniagaannya pada setiap masa Bekas-bekas sampah yang sesuai dan mencukupi hendaklah disediakan. Sisa-sisa buangan dan sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg atau karung plastik serta diikat kemas sebelum di masukkan ke dalam tong sampah bagi memudahkan proses pembuangan;
9. Pemegang lesen hendaklah menyediakan tandas berasingan untuk lelaki dan perempuan. Bekalan air dan kemudahannya hendaklah sentiasa diselenggara supaya dalam keadaan bersih dan boleh digunakan pada setiap masa;
10. Pemegang lesen hendaklah menyediakan peralatan memadam kebakaran yang mencukupi dan telah diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
11. Pemegang lesen hendaklah menyediakan kotak-kotak pertolongan cemas yang lengkap dan mencukupi serta diselenggara pada setiap masa supaya dalam keadaan baik;
12. Pemegang lesen dilarang daripada melakukan aktiviti kurang sihat dan tidak sopan seperti perjudian, salah guna dadah, pelacuran, hiburan lucah atau ganas dan lain-lain yang berkaitan yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada orang ramai dan persekitaran;
13. Pemegang lesen hendaklah memastikan paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan tidak menyebabkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat;
14. Premis tempat hiburan adalah kawasan larangan merokok serta larangan meminum minuman yang memabukkan. Orang yang mabuk dilarang berada di dalam premis;
15. Pemegang lesen hendaklah mematuhi peraturan dan syarat-syarat tambahan yang dikenakan mengikut justifikasi pihak Majlis Daerah Sabak Bernam dari semasa ke semasa; dan
16. Pelanggaran syarat mana-mana peruntukan peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara bagi tempoh tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pelanggaran syarat mana-mana peruntukan peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara bagi tempoh tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.